

20/01/1998

Tulisan Abah, Anis, Azil mengelirukan

Gajah Depan Mata Nampak

`TERTUDUH usah cemar imej Islam' hasil tulisan `Abah, Anis & Azil' (BH 29 Disember 1997) dalam ruangan ini agak mengelirukan. Mereka bukan saja menyesali perbuatan tertuduh berpakaian `baju Melayu dan berkopiah putih' malah agak kecewa dengan sikap Jabatan Penjara oleh kerana tidak begitu sensitif atau prihatin terhadap pakaian tertuduh yang dibawa ke depan pengadilan.

Logik yang dikemukakan `Abah, Anis & Azil' adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Penjara menetapkan pakaian tertuduh ketika dibicarakan agak ganjil dan luar biasa. Pertama, kita harus menyedari menurut perundangan negara, tertuduh yang masih belum diadili dianggap tidak bersalah sehingga terbukti bersalah.

Dengan itu, Jabatan Penjara tidak berhak menentukan jenis pakaian tertuduh ketika dibawa ke depan pengadilan. Kedua, perundangan negara belum menetapkan jenis pakaian yang patut dipakai tertuduh. Bermakna tertuduh bebas memakai pakaian Melayu, Inggeris, Punjabi dan lain-lain ketika dibicarakan.

Lebih menarik lagi `berpakaian baju Melayu dan berkopiah putih' dianggap sebagai lambang imej Islam dan di dalam konteks ini imej pak haji iaitu golongan yang sangat dihormati di kalangan orang Islam luar bandar khususnya. Namanya saja `baju Melayu' sudah menunjukkan pakaian itu diwarisi zaman nenek-moyang kita sejak sebelum kedatangan Islam ke Nusantara ini lagi.

Berkopiah putih bukanlah pakaian pak haji atau orang Islam saja malah ia menjadi pakaian turun-temurun bangsa Yahudi dan Nasrani. Sesekali kelihatan Pope, iaitu ketua agama Roman Katolik yang berpusat di bandar Vatican pun memakai kopiah putih juga.

Dengan sebab itu melabel baju Melayu dan kopiah putih sebagai pakaian orang Islam sudah tentu tidak tepat apatah lagi sebagai pakaian pak haji.

Pada hari ini pakaian tidak boleh dijadikan ukuran untuk menentukan pemakainya seorang Islam atau bukan Islam. Pada kaca TV sendiri kita sering melihat orang bukan Islam berpakaian 'Melayu' pada Aidilfitri dan hari kebesaran lain. Orang Melayu sendiri tidak berpakaian Melayu ketika bekerja atau melancong dalam negara sekalipun kecuali pada hari tertentu saja.

Menyentuh pakaian juga, saya teringat apa yang diperkatakan Perdana Menteri ketika mengulas pelbagai gejala sosial yang membabitkan remaja dan anak muda kita. Dr Mahathir Mohammad menyatakan penerapan nilai Islam yang bermula pada tahun 70-an hanya berjaya dari segi luaran (dari segi pakaian saja) tetapi gagal menerapkan nilai yang lebih murni menurut ajaran agama Islam.

Dengan itu Perdana Menteri bermaksud pakaian yang melambangkan imej Islam saja tidak mencukupi jika ketahanan diri rapuh dan dapat dicerobohi budaya kuning dan anasir anti-Islam dengan begitu mudah sekali.

Tulisan `Abah, Anis & Azil' lebih menekankan imej Islam. Walaupun pakaian boleh dianggap melambangkan imej Islam tetapi ia hanya sebahagian kecil saja. Perkara besar yang lebih mencemar Islam seperti rasuah, salah guna kuasa, pecah amanah, penagihan dadah, gejala sosial dan lain-lain membabitkan lebih ramai orang Islam jika dibandingkan penganut agama lain di negara ini.

Malah ada pegawai agama Islam yang didakwa menggelapkan wang yang diamanahkan kepada mereka. Walaupun usahan dikatakan dipertingkatkan oleh

pihak berkenaan tetapi sehingga kini tidak menunjukkan hasil yang positif. Malah ada yang gagal sama sekali. Contohnya:

- * Program 'Rakan Muda' yang memerlukan belanja berjuta ringgit gagal menepati sasaran dan sekali gus gagal mencapai matlamat asalnya;

- * Begitu juga halnya dengan pemulihan penagihan dadah. Beratus ribu penagih dadah yang menjalani pemulihan di seluruh negara dan beratus ribu juga menagih semula selepas dibebaskan; dan

- * Agama digunakan sebagai benteng untuk mempertingkatkan ketahanan diri remaja Islam supaya dapat mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial. Apabila didapati lebih ramai remaja Islam terbabit, tokoh agama termasuk wakil Kementerian Pendidikan dalam satu ceramah di TV mengakui kaedah dan pendekatan pengajaran mata pelajaran agama Islam sekarang sudah tidak berkesan lagi.

Saranan menswastakan Jabatan Agama Islam ditimbulkan oleh kerana kakitangannya didapati tidak komited pada tugas.

Sehubungan itu mengingatkan kita kembali kepada persoalan yang pernah ditimbulkan pada suatu masa dulu. Ada yang menyatakan 'ustaz makan gaji' tidak akan dapat menunaikan perintah Allah dengan sempurna oleh kerana dua faktor penting:

- * 'Ustaz makan gaji' akan menganggap tugas mereka seperti kerja lain dalam sektor kerajaan.

- * Pengamal agama Islam bebas daripada sebarang ikatan daripada mana-mana pihak lebih teguh pegangan agama dan lebih mudah menjalankan perintah Allah.

Selepas membandingkan perkembangan Islam di luar dan di dalam negara, didapati kita masih lagi jauh ketinggalan dalam pelbagai bidang dan kejadian yang mencemarkan imej Islam lebih serius dan banyak berlaku di negara kita.